GOLONGAN KATA (10 markah)

Arahan: Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini. Kemudian, lorek bujuran bernombor di Kertas OAS yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

Hobi Rania ialah membaca. Rania suka membaca pelbagai jenis bahan bacaan yang informatif seperti surat khabar, buku-buku dan majalah yang berunsur **(16)**.

Hobi Rania ini telah mendatangkan keuntungan baginya. Dia telah **(17)** sebagai Duta Bahasa Melayu 2023. Melalui minatnya itulah, cara pemikirannya menjadi lebih **(18)**.

"Dari dahulu saya memang gemar membaca **(19)** saya cinta akan ilmu. Tambahan pula, ibu bapa saya juga suka mebaca. Jadi tidak mustahil saya juga mengikut jejak **(20)** berdua yang rajin membaca itu," kata Rania ketika dia ditemu bual oleh seorang pemberita.

Oleh itu, Rania selalu mengingatkan kawan-kawan supaya memilih hobi yang baik dan mendatangkan faedah.

16
(1) jenaka
(2) nyanyian
(3) kesedihan
(4) pengetahuan

17
(1) dipilih
(2) ditarik
(3) direbut
(4) dipaksa

18
(1) luas
(2) kabur
(3) dalam
(4) sempit

19
(1) lalu
(2) atau
(3) sambil
(4) kerana

20
(1) dia
(2) saya
(3) kami
(4) mereka

(lihat halaman sebelah)

LIVEWORKSHEETS